

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG AHAD

- 1 INTAI ANAK DARI LUAR PAGAR SEKOLAH
- 2 EKZOS BISING BOLEH DIKENAKAN DENDA, PENJARA
- 3 BANDUAN LOLOS GUNA SUDU TEBUK DINDING LOKAP
- 4 COVID-19 AKAN BERAKHIR AWAL 2022, KATA PEGAWAI WHO
- 5 NUR JAZLAN CABAR PAS BEKERJASAMA DENGAN AMANAH
- 6 PALESTIN TERIMA VAKSIN COVID-19 SUMBANGAN UAE
- 7 HARAPAN UMNO PULIH LEBIH CERAH JIKA SINGKIR PEMIMPIN KORUP
- 8 PULAU PINANG SUMBANG RM1.25 JUTA KEPADA MASJID, SURAU
- 9 BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KFC CECAH LEBIH RM2 JUTA
- 10 PAS GAGAL KOTA-KATA SENDIRI: ARULSELVI

Status Lembah Kinta kekal

Sinar Harian 23/2/2021 m/s 12

FOTO: MAJLIS BANDARAYA IPOH



Shamsul Anuar (dua dari kanan) melihat pelan Geotapak Gunung Lang, Perak sempena lawatan kerjanya pada Isnin.

Aktiviti kuari berdekatan tapak geopark perlu patuh garis panduan

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH

Kementrian Tenaga dan Sumber Asli yakin status pengiktirafan tapak warisan geologi Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan tidak akan ditarik balik.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) sentiasa membantu Kerajaan Negeri Perak untuk meneruskan inisiatif yang ditetapkan dalam pelan bagi mengekalkan status berkenaan.

Menurutnya, ia termasuk sudut teknikal tautan kajian menambah maklumat mengenai sumber geotapak dan pembangunan geopark agar kawasan itu terus relevan sebagai Geopark Kebangsaan.

“Geopark Lembah Kinta ini berbeza sedikit. Ia tidak menghalang pembangunan ekonomi tetapi jangan sampai menjejaskan kerana penilaian dibuat

setiap tahun dan jika ada yang melanggar (penilaian), itu akan menyebabkan status ditarik balik. Tetapi saya yakin di Lembah Kinta ini tidak akan berlaku perkara sedemikian,” katanya pada sidang akhbar sempena lawatan kerja ke Geotapak Gunung Lang di Geopark Lembah Kinta di sini pada Isnin.

Beliau berkata, Geopark Lembah Kinta yang meliputi keseluruhan daerah Kinta, Kampar dan Batu Gajah dengan keluasan dianggarkan 1,952 kilometer persegi itu mempunyai 18 geotapak yang mana kesemuanya terletak di luar kawasan aktiviti kuari.

Katanya, kementerian dengan tegas memastikan apa jua yang mahu dilakukan di tapak geopark itu termasuk akti-

viti kuari di kawasan berhampiran dibuat dengan mematuhi akta dan garis panduan.

“Komitmen kementerian sangat tinggi. Apa jua aktiviti kuari dan lombong yang hendak dilakukan akan kita pastikan ia patuh syarat yang ditetapkan.

“Kita faham keperluan pembangunan untuk meningkatkan pendapatan negeri tetapi pada waktu sama juga ia mesti mematuhi peraturan,” katanya.

Lawatan kerja yang turut disertai Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Perak, Datuk Nolee Ashlimin Mohammed Radzi itu bagi melihat perkembangan terkini tapak warisan itu yang akan menjalani penilaian semula tahun ini setelah penilaian pertama dibuat pada tahun 2017.